



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MAJLIS DEEPAVALI 2017 MPPWP SUB ZON 1

OLEH

**YB SENATOR DATO' DR. LOGA
BALA MOHAN
DEPUTY MINISTER OF FEDERAL
TERRITORIES**

**Tarikh : 19 Nov. 2017
(Ahad)**

Masa : 8.30 pm

**Tempat : Restoran Makanan
Laut Lau Heong, Jalan
3/48A, Bandar Baru
Sentul, KL**

**Terima kasih Saudara/i
Pengerusi Majlis.**

**YB Senator Datuk Hj
Yahaya bin Mat Ghani
Pengerusi Barisan Nasional
Parlimen Batu**

**YBhg Datuk Haji Ramlan
bin Salleh
Pengerusi MPPWP
Sub Zon 1**

**Tuan-tuan dan puan-puan
saya hormati**

**Salam Sejahtera, Salam
Negaraku Malaysia dan
Vanakam**

**Terlebih dahulu saya ingin
mengucapkan Selamat Hari
Deepavali kepada semua
masyarakat india di Parlimen
Batu walaupun sudah
sebulan kita meraikannya.**

**Pada masa yang sama saya
juga ingin mengucapkan
ribuan terima kasih kepada
Pengerusi Barisan Nasional
Parlimen Batu, YB Senator
Datuk Haji Yahaya bin Mat
Ghani dan**

**YBhg. Datuk Haji Ramlan bin
Salleh, Pengurus MPPWP
Sub Zon 1 kerana
menjemput saya ke majlis
Perayaan Deepavali 2017
untuk bertemu warga india
dan warga Batu.**

**Negaraku Malaysia bertuah
kerana kita dapat
menyambut pelbagai jenis
perayaan berbanding
dengan negara lain.**

**Ini dapat dilakukan kerana
negara kita aman dan
makmur.**

Contohnya hari ini, semua lapisan masyarakat dapat bersatu dan berkumpul untuk menyambut Majlis Deepavali 2017 MPPWP Sub Zon 1.

Ini hanya dapat dilaksanakan selagi Barisan Nasional terus berkuasa di negara ini.

**Akhir kata, dengan
sukacitanya saya
merasmikan Majlis Deepavali
2017 MPPWP Sub Zon 1.**

Sekian, terima kasih